

Cara Nak Dapatkan Gaji RM 2 000 secepat mungkin...

Saya tulis artikel ni 2017, 2021 saya tambah baik semula. Rasa macam ada yang tak kena pula.

Saya ada 5 idea untuk adik adik dapatkan gaji RM 2 000 secepat mungkin...

Ok, nak dijadikan cerita. Sebelum ni saya ada buat satu artikel tajuk nya, bila da kerja, berapa ribu gaji yang korang patut cari.

Dan selepas saya list kan juga macam macam keperluan, contoh macam rumah, kereta, harga motor bulanan. Bil untuk beli makanan dan belanja semua. Total nya macam lebih kurang perlukan RM 2 000 sebulan..

Korang boleh tengok artikel tu sendiri di sini, [berapa ribu gaji nak cari sebulan](#)

Dan sekarang, saya nak kongsi 5 idea yang korang, adik adik boleh buat supaya boleh tackle masalah ni..

Saya ambil masa 3 tahun baru berjaya tau. Sebab diploma... Harap adek adek semua dapat gaji atleast RM 2000 sebelum umur 30.

Idea Pertama – Belajar At Least Ijazah Sarjana Muda

Ya..ini dia, ini idea yang paling terbaik dan bagus korang buat..belajar sampai degree atau sekurang kurangnya ijazah sarjana muda..

Sebab, bila kerja nanti. Gaji starting untuk degree dalam RM 2800, diploma pula RM 1800.

Tapi tak semua tempat, dan tak semua negeri ya. Ada kriteria kriterianya. Anda kena pandai pilih company apa nak kerja. Semua tu saya ada kongsi di artikel sini, [cara nak pilih company untuk apply kerja dan tiga peringkat gaji bekerja di Malaysia](#)

Buat OT Macam Saya

Yang kedua, adalah dengan buat OT. Biasanya kalau kerja degree dan kerja level engineer jarang ada company yang boleh buat OT. Kalau anda buat OT pun tak banyak dapat semacam yang technician buat.

Masa interview, anda boleh confirmkan dengan company tu sama ada company yang anda nak apply kerja itu ada banyak OT atau tidak.

Ataupun masa nak baca job description di Jobstreet pun ada tulis.

Kerja shift 12 jam

Kalau anda diploma, dan nak merasa gaji RM 3000 ke atas. Memang terpaksa kerja shift. Semacam saya juga dulu. Walaupun basic baru RM 2000 tapi memang boleh sampai RM 5000 sebulan. (contoh [payslip](#) saya)

Idea 4 – Berniaga

Ini best. Saya sendiri ada buat. Walaupun nak belajar perlukan agak banyak juga modal. Tapi tak apa, saya kuatkan pendirian juga untuk mengeluarkan duit dan belajar.

Sebab saya memang tak rasa akan OT gila gila lagi bila dah umur 30 lebih keatas nanti. So saya plan, tahun 2018 adalah tahun perhitungan antara saya dengan perniagaan yang saya tengah usahakan sekarang ya..

insyaAllah, saya akan update dalam blog ni dan kongsi pada

anda semua.

Update – sekarang dah 2021, saya pun dah berhenti kerja yang ni, dan berniaga sendiri sejak bulan August 2019. Alhamdulillah, bisnis sampingan yang saya buat, dah jadi mata pencarian, tak perlu dah nak ulang alik p kerja.

Idea 5 – Buat dua kerja

Ini pun boleh kata paling mudah juga, cuma kena rajin sikit ja. kiranya siang korang kerja macam biasa. Malam tu mungkin tolong kawan niaga burger ke. Atau kerja kedai mamak..

Pun boleh juga..

Baiklah, saya rasa itu sahaja

Agak agak mana option dari 5 ni yang korang pilih?